

Headline	BAHANA BELIRUMAH LELONG		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	15 May 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Setempat	Page No	30
ArticleSize	360 cm <sup>2</sup>	Journalist	AINUL FATIAH
PR Value	RM 42,381		



# BAHANA BELI RUMAH LELONG

## JUARA PENGGUNA

Ainul Fatihah Mansor  
dan Siti Farahiyah Aziz  
am@hmetro.com.my

## ■ Pemilik lama enggan pindah, tunggakan bil elektrik RM2,500

**I**mpian seorang kakitangan awam mendiami rumah baru tidak terlaksana apabila pemilik lama enggan meninggalkan kediaman berkenaan walaupun bayaran sudah dilunaskan.

Pengalaman pahit itu dilalui Nazri yang membeli rumah berkenaan di Negeri Sembilan melalui lelongan bank pada 29 Julai tahun lalu.

Lelaki berusia 30 tahun itu berkata, dia membuat pinjaman bank untuk pembelian yang mengambil masa selama empat bulan.

“Urusan bank selesai pada November tahun lalu

malah pihak peguam memaklumkan saya sudah boleh memasuki rumah itu sebulan kemudian.

“Bagaimanapun, saya kecewa apabila mendapati pemilik lama masih menduduki rumah itu,” katanya.

Nazri berkata, atas faktor kemanusiaan, dia memberi masa sehingga pertengahan Disember tahun lalu kepada pemilik lama untuk keluar dari rumah berkenaan.

Menurut Nazri, malangnya kebaikan yang ditabur sebaliknya tidak dihargai.

Katanya, ibarat pepatah terlepas dari mulut buaya, masuk ke mulut naga apabila selepas penghuni lama mengosongkan

rumah berkenaan, dia meninggalkan tunggakan bil elektrik yang tinggi.

“Selepas pemilik lama keluar rumah, saya pergi ke pejabat Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk menyemak bil elektrik, selain ingin membuat permohonan baru atas nama saya.

“Alangkah terkejutnya saya apabila TNB memaklumkan bil elektrik mencecah RM2,500 dan meminta saya membayar bil itu terlebih dulu sebelum membuat permohonan baru.

“Perkara ini membuatkan saya tidak berpuas hati kerana diminta membayar bil orang lain sedangkan ia

adalah tanggungjawab pemilik lama,” katanya.

Sehubungan itu, Nazri berkata, dia melaporkan perkara itu kepada Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) untuk tindakan selanjutnya.

Menurutnya, NCCC kemudiannya memanjangkan aduan itu kepada pihak TNB.

“Selepas menerima aduan, pejabat TNB menghubungi pengadu untuk mengadakan perbincangan.

“Hasil perbincangan itu, pihak TNB membenarkan saya membuat permohonan baru dan akan menuntut bayaran tunggakan daripada pemilik lama,” katanya.